

# Budayakan penyelidikan selesai masalah pembelajaran

NST 12.07.2012 7

## Berkesan tingkat profesionalisme guru

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Golongan pendidik di negeri ini digalakkan supaya membudayakan penyelidikan bagi mencari penyelesaian masalah pembelajaran pelajar dalam bilik darjah dan persekitaran sekolah.

Timbalan Pengarah Pelajaran Sabah, Maimunah Haji Suhaibul, berkata aktiviti penyelidikan seperti Kajian Tindakan juga adalah antara pendekatan berkesan untuk mempertingkatkan lagi profesionalisme guru.

Katanya, ini penting agar guru dapat menghurai situasi sosial di sekolah seterusnya memperbaiki kualiti amalan guru mengajar dan murid belajar di bilik darjah.

“Saya percaya, apabila semakin ramai guru membuat kajian, maka semakin banyak masalah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran dapat diselesaikan.

“Sebagai seorang pendidik, kita sering berhadapan dengan pelbagai karenah dalam bilik darjah atau di sekolah, oleh itu pelbagai kaedah dan pendekatan perlu digunakan untuk menyelesaikan permasalahan itu termasuk aktiviti penyelidikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Teknologi Pendidikan Negeri Sabah kali ke-2, di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di sini, kelmarin.

Turut hadir Ketua Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Sabah Mohd Darwis Haji Cholle, pembentang-pembentang kertas kerja iaitu pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr. Sabariah Sharif dan Dr. Lee Kean Wah, dan Pengetua SMK Tebobon, Loh Kok Cheng.

Maimunah berkata, guru perlu memperbaiki situasi sosial dalam bilik darjah mengikut bidang tugas dan kemampuan.

“Cara paling berkesan ialah merancang suatu tindakan, melaksanakan rancangan tindakan tersebut, menilai tindakan dan kesan tindakan serta membuat renungan ke atas proses pendidikan yang telah berlaku. Hasilnya adalah pelbagai teknik baru dan juga inovasi.

“Jika guru berbuat demikian, maka guru ini telah bergerak selangkah di hadapan ke arah memperkasakan pengajaran sendiri seterusnya membantu membestarkan diri dan memberi sumbangan dalam dunia pendidikan,” katanya.

Berkenaan dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), beliau berkata, ia telah membuka peluang dan cabaran kepada guru dan murid meneroka ilmu tanpa batasan.

“Dalam hal ini, guru perlu bijak menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran dengan betul supaya kemudahan ICT dapat digunakan sepenuhnya,” katanya.

Bagaimanapun katanya, guru-guru juga harus membimbing para pelajar agar tidak mudah terpengaruh dengan perkara-perkara tidak baik dalam internet terutamanya dalam lama sosial seperti Facebook.

“Kemudahan ICT memang memberikan banyak kebaikan kepada para pelajar tetapi ia



MOHD FIRDAUS

juga mempunyai keburukan kerana banyak perkara negatif yang tidak sesuai untuk para pelajar.

“Oleh itu guru-guru dan ibu bapa harus memainkan peranan penting untuk membimbang para pelajar supaya dapat menapis perkara perkara yang baik dan buru dalam laman sosial berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Teknologi Pendidikan Pusat Teknologi Pendidikan Bahagian Keningau Mohd Firdaus Abdullah berkata empat resolusi persidangan telah diperolehi antaranya, penggunaan dan pembudayaan bahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran.

Katanya bahan-bahan ICT harus digunakan di sekolah-sekolah terutama dalam bilik darjah untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

“Resolusi kedua ialah pembudayaan amalan penyelidikan tindakan di sekolah.

“Amalan penyelidikan, khasnya kajian tindakan harus dibudayakan di sekolah-sekolah agar penyelesaian dapat ditemui bagi menangani permasalahan sehari-hari bukan sahaja dalam bilik darjah tetapi juga dalam persekitaran sekolah,” katanya.

Mohd Firdaus berkata, resolusi ketiga ialah penggunaan aplikasi teknologi semasa bagi menghadapi zaman.

“Aplikasi ICT semasa harus digunakan bagi menghadapi persekitaran pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Ini penting agar murid dapat berdaya saing dalam menghadapi cabaran zaman digital,” katanya.

Katanya lagi, resolusi terakhir ialah membestarkan kaedah pengurusan pendidikan. Kaedah ini meliputi latihan pengurusan sekolah dan pengendalian bilik darjah selaras dengan konsep “Making All Schools Smart”.

Persidangan itu dianjurkan bersama Jabatan Pelajaran Sabah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Sabah, Persatuan Pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Guru Besar Negeri Sabah.



SIJIL ... Maimunah menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang penceramah, turut kelihatan Mohd Darwis (kiri).